



Submission date: 09/04/2021 Accepted date: 12/07/2021

DOI: 10.33102/abqari.vol24no2.388

## KETOKOHAN AL-MARBAWI: ANALISIS PERKEMBANGAN PENGAJIAN ILMU HADIS

*The Prominence of al-Marbawi's Scholarship: An Analysis on the Development of the Sciences of Hadith*

Mohd Solleh Ab Razak<sup>a1</sup> & Roshimah Shamsudin<sup>a2</sup>

<sup>a</sup>Universiti Sains Malaysia

<sup>1</sup>[solahuddin\\_ayyub@yahoo.com](mailto:solahuddin_ayyub@yahoo.com)

<sup>2</sup>[roshimah@usm.my](mailto:roshimah@usm.my) (corresponding author)

### Abstract

This article aims to study the development of al-Marbawi's pursuit in acquiring his studies from his childhood to adulthood. To achieve these objectives, qualitative research was employed by way of library research in addition to content analysis methods that were fully used in the process of data collection and analysis. The findings show that there are two phases of study al-Marbawi's study of hadith; the basic phase of study being while he was studying in Malaya under the tutelage of Tuan Husin Kedah while the later stage refers to studies in his adulthood which took place in Egypt involving formal studies at the al-Azhar University as well as informally through the books of *Sahih Muslim* and *Jami' al-Tirmidhi*. In summary, the varying periods of study of al-Marbawi proves that he was an authoritative scholar in the discipline of hadith.

Keywords: prominence, al-Marbawi, development of studies, sciences of hadith.

### Abstrak

Artikel ini bertujuan untuk mengkaji perkembangan pengajian al-Marbawi dalam mendalami ilmu hadis bermula dari kecil sehingga dewasa. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian berbentuk kualitatif dilaksanakan melalui kajian kepustakaan di samping kaedah analisis kandungan yang digunakan sepenuhnya dalam proses pengumpulan dan penganalisisan data. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat dua fasa pengajian al-Marbawi dalam ilmu hadis iaitu fasa asas pengajian ketika

beliau menuntut ilmu di Tanah Melayu, khususnya bersama Tuan Hussain Kedah dan juga fasa kedua yang merujuk kepada fasa kematangan pengajian iaitu ketika beliau berada di Mesir yang melibatkan pembelajaran ilmu secara formal di Universiti al-Azhar serta secara tidak formal terutamanya melalui kitab *Sahih Muslim* dan *Jami' al-Tirmidhi*. Pendek kata, corak perkembangan pengajian tersebut membuktikan bahawa beliau sememangnya tokoh yang berwibawa dalam bidang hadis.

Kata kunci: ketokohan, al-Marbawi, perkembangan pengajian, ilmu hadis.

## PENDAHULUAN

Ketokohan al-Marbawi sebagai salah seorang ilmuan yang banyak menabur jasa diakui oleh para ilmuan dan masyarakat di Malaysia. Jasa besar beliau dapat diperlihatkan melalui pelbagai karya yang beliau hasilkan dalam pelbagai seni ilmu terutamanya karya *Bahr al-Madhi* yang merupakan karya terawal dan terbesar yang pernah dihasilkan di Alam Melayu. Bahkan penghasilan karya tersebut telah berjaya memenuhi kekosongan karya asli dalam bidang ilmu hadis di rantau ini (Anwar Ridwan, 2007).

Selain itu, sebagai pengiktirafan terhadap keilmuan dan kepakaran beliau, Universiti Kebangsaan Malaysia mengurniakan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 5 Julai 1980. Seterusnya beliau dianugerahkan Anugerah Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan pada 1 Muarram 1408H/1987M dan Tokoh Anugerah Penulis Pentas Perak pada 28 Februari 2004, iaitu 15 tahun selepas kematiannya (Faisal Ahmad Shah, 2013). Selain daripada itu, karya-karya yang beliau hasilkan telah melonjakkan namanya sehingga digelar sebagai *al-Muhaddith al-Malizi* iaitu pakar hadis Malaysia (Mesbahul Hoque et al., 2017).

Selain daripada itu, timbul beberapa persoalan yang dibangkitkan oleh para pengkaji berkaitan proses dan perkembangan ilmu al-Marbawi dalam disiplin ilmu hadis. Ini kerana latar belakang pengajian al-Marbawi dalam ilmu ini tidak dikaji secara terperinci dan berfokus. Bahkan Faisal Ahmad Shah (2007) hanya menjumpai seorang sahaja guru hadis al-Marbawi iaitu Muhammad Ibrahim al-Samaluti di Mesir dan beliau tidak memperincikan pengajian al-Marbawi berhubung ilmu ini. Selain itu, latar belakang pengajian beliau amat penting bagi mengenalpasti kewibawaan beliau dalam ilmu hadis. Bahkan menurut Ahamad Asmadi dan Latifah (2010), seseorang yang bukan dalam bidang kepakaran hadis sewajarnya tidak harus mensyarah kitab seorang yang *faqih*, *muhaddith*, *murajjih* yang mengikuti metodologi *muhaddithin* seperti al-Tirmidhi.

## LATAR BELAKANG AL-MARBAWI SECARA RINGKAS

Nama lengkap al-Marbawi ialah Mohamed Idris bin Abdul Raof bin Ja'far bin Idris (Ismail Mat Ludin, 1991; Anwar Ridwan, 2007). Namun secara panggilannya, beliau lebih dikenali dengan nama Syeikh al-Marbawi sebagaimana nama syarikat penerbitan beliau di Mesir iaitu *al-Matba'ah al-Marbawiyah*. Al-Marbawi merupakan gelaran yang disandarkan kepada kampung asal keluarganya iaitu di Lubuk Merbau yang terletak kira-kira 10 km dari bandar Kuala Kangsar, Perak (Muhamad Norazam Nordin et al., 2008).

Para pengkaji bersepakat bahawa beliau dilahirkan pada bulan Zulkaedah 1313H, (Abdullah al-Qari, 2009; Anwar Ridwan, 2007). Namun para pengkaji berselisih pandangan tentang tarikh masihi. Walau bagaimanapun, pandangan yang kuat ialah beliau dilahirkan pada 12 Mei 1896M sejajar dengan tarikh yang tertulis pada Kamus al-Marbawi dan perkiraan berdasarkan ilmu falak (al-Marbawi, 1990). Mengenai tempat kelahiran pula, para pengkaji bersepakat bahawa beliau dilahirkan di Kampung Masfalah, Makkah. (Tajuddin Saman, 1993; Mustafa Abdullah, 2009). Beliau meninggal dunia pada 13 Oktober 1989, jam 8.30 pagi di Hospital Besar Ipoh, Perak ketika berusia 93 tahun. Jenazah beliau dikebumikan di Perkuburan Islam Lubuk Merbau, Kuala Kangsar (Ismail Mat Ludin, 1991; Faisal Ahmad Shah, 2013).

## KRITIKAN TERHADAP AL-MARBAWI

Secara umumnya, terdapat beberapa kritikan yang dikemukakan oleh para pengkaji hadis terhadap karya-karya beliau sehingga ada yang dianggap tidak memenuhi keperluan kajian akademik Islam (Ahmad Asmadi Sakat & Latifah Abdul Majid, 2010). Antara kritikan tersebut ialah sikap *tasahul* beliau dalam mengemukakan hadis-hadis dalam karya-karyanya. Menurut Faisal Ahmad Shah (2007), al-Marbawi didapati tidak memberi penekanan berkaitan kesahihan hadis sehingga terlibat dalam penggunaan hadis *da'iif jiddan* dan *mawdu'* sebagaimana berikut:

“Al-Marbawi tidak melihat kepada status dan darjat hadis sebagai asas pemilihan hadis-hadis riwayat al-Tirmidhi yang dimasukkan dalam kitab *Bahr al-Madhi*. Dalam masa yang sama juga, beliau tidak menjadikan status dan darjat hadis sebagai asas pemilihan hadis-hadis sokongan yang dijadikan hujah dan dalil dalam syarahan hadis. Apa yang penting bagi beliau ialah kandungan hadis tersebut menepati dengan kehendak isu yang dibahaskan”.

Kenyataan tersebut menunjukkan bahawa penggunaan hadis *da'iif jiddan* dan *mawdu'* yang dijadikan hujah atau dalil ketika menghuraikan sesuatu hadis telah diberikan komentar.

Selain itu, al-Marbawi juga didapati tidak menukilkan sanad yang lengkap dalam karya-karya yang dihasilkan olehnya. Sebaliknya al-Marbawi hanya mengemukakan sanad yang terakhir sahaja iaitu para Sahabat, sedangkan sanad tersebut penting dalam ilmu penulisan hadis bagi mengetahui *tabaqat* para perawi, dalil-dalil *fuqaha'* dan *muhaddithin* (Faisah Ahmad Shah, 2007). Oleh yang demikian, keadaan ini membuka ruang kritikan terhadap penentuan kedudukan sesebuah hadis dari sudut penerimaan dan penolakannya.

Berhubung metodologi huraihan hadis pula, al-Marbawi didapati mempunyai kecenderungan terhadap pendekatan fikah berbanding hadis (Faisal Ahmad Shah, 2007). Justeru, perbincangan berkaitan '*Ulum al-Hadith*' tidak diberikan perhatian utama, sebaliknya beliau banyak menukilkan pendapat-pendapat ulama daripada pelbagai kitab terutamanya membahaskan hadis-hadis hukum. Antaranya ialah pandangan para ulama seperti al-Nawawi, al-Shafi'i dan ramai lagi (Ahamad Asmadi Sakat & Latifah Abdul Majid, 2010).

Ringkasnya, sebahagian daripada kritikan tersebut didapati mempunyai pertalian dengan kaedah penulisan beliau, yang antaranya tidak membawakan sanad yang lengkap bagi hadis dan juga pendekatan yang lebih menjurus ke arah fikah. Kaedah penulisan seumpama ini lazimnya merupakan kaedah khusus yang menjadi pilihan para pengarang dalam penghasilan karya masing-masing meskipun tidak dinafikan mempunyai beberapa kelemahan tertentu.

## **PERKEMBANGAN PENGAJIAN ILMU AL-MARBAWI SECARA UMUM**

Perkembangan pengajian ilmu al-Marbawi melibatkan tiga buah negara iaitu Makkah, Tanah Melayu dan Mesir. Di ketiga-tiga negara ini, beliau telah melalui satu perjalanan yang panjang dan menuntut pelbagai ilmu syariat sehingga menjadi rujukan kepada masyarakat. Daripada ketiga-tiga negara ini, pengkaji membentangkan ilmu-ilmu yang telah dipelajari oleh al-Marbawi sebagaimana berikut:

### **Pengajian di Makkah**

Makkah merupakan negara pertama yang menjadi tempat al-Marbawi menimba ilmu. Ini kerana Makkah merupakan tempat kelahiran beliau. Seawal usia empat tahun, beliau mampu membaca dan mula menghafaz al-Quran. Apabila usia beliau menginjak enam tahun, beliau dihantar ke sekolah Masfalah di Kota Makkah yang terletak berhampiran dengan rumahnya. Di sana, beliau berjaya menghafaz 16 juzuk al-Quran ketika berumur 10 tahun (Ismail Mat Ludin, 1991). Selain menghafaz al-Quran, beliau turut menghafaz kitab-kitab ilmu syariah seperti kitab *al-Dam*, *Matan al-Ajurumiyyah* dan lain-lain (Tajuddin Saman, 1993). Pada ketika itu juga, beliau turut mempelajari ilmu-ilmu asas berkaitan syariah dan bahasa Arab (Al-Marbawi, 1990).

Beliau kesempatan menuntut ilmu di sana selama empat tahun dan menamatkan pengajiannya pada umur 10 tahun (Ismail Mat Ludin, 1991).

Berdasarkan perkembangan ini, al-Marbawi telah didedahkan dengan asas ilmu syariat dan bahasa Arab sejak dari kecil lagi. Pendedahan ini menjadi asas penting untuk perkembangan pendidikan beliau bagi peringkat seterusnya. Tambahan pula, pendedahan bahasa Arab ini menjadi pemudah cara untuk beliau mendalami ilmu-ilmu syariah dengan lebih mendalam.

### **Pengajian di Tanah Melayu**

Pada tahun 1902, keluarga al-Marbawi mengambil keputusan untuk kembali ke Tanah Melayu dan menetap di Lubuk Merbau, Kuala Kangsar, Perak (Utusan Melayu, 1975). Ketika berada di sini, al-Marbawi meneruskan pendidikan di Sekolah Melayu Lubuk Merbau (Mustafa Abdullah, 2009). Beliau belajar di sekolah tersebut ketika berusia 11 tahun dan menamatkan pengajiannya sehingga lulus darjah lima pada usianya 15 tahun (Abdul Salam, 2003).

Di sekolah ini, anak-anak Melayu sekadar diberi pendidikan untuk melengkapkan keperluan tenaga manusia di peringkat rendah iaitu bagi memenuhi keperluan pekerjaan seperti petani, buruh, guru, polis atau *peon* di kampung halaman masing-masing (Suhanim Abdullah, 2002). Oleh yang demikian, pengajian ilmu di sekolah ini tidak memberi tambah nilai terhadap perkembangan ilmu syariah bagi al-Marbawi.

Setelah itu, al-Marbawi melanjutkan pengajiannya di Pondok Syeikh Wan Muhammad yang terletak di Bukit Candan, Kuala Kangsar, Perak. Syeikh Wan Muhammad bin Wan Hussain merupakan Mufti Perak pada waktu itu (Ismail Che Daud, 2001). Orientasi pengajian di pondok tersebut lebih menekankan aspek hafalan (Fauzi Deraman et al., 2010). Di pondok ini, al-Marbawi telah menghabiskan tiga tahun untuk mendalami ilmu agama di bawah seliaan Syeikh Wan Muhammad (Tajuddin Saman, 1993; Faisal Ahmad Shah, 2013). Bermulanya pengajian di pondok ini merupakan satu kesinambungan terhadap pengajian yang dilalui oleh al-Marbawi setelah beliau meninggalkan Makkah.

Al-Marbawi meneruskan pengajian beliau ke Pondok Tuan Hussain Nasir Kedah di Kedah. Nama penuh beliau ialah Hussain Nasir bin Muhammad Taib al-Mas‘udi al-Banjari yang lebih dikenali sebagai Tuan Hussain Kedah. Beliau merupakan antara ulama Kedah yang terkemuka dan termasyhur pada awal abad ke-20 Masihi (Muhammad Mustaqim, 2018). Sistem pendidikan di pondok ini begitu intensif dan bersifat menyeluruh (Faisal Ahmad Shah, 2013). Hal ini secara tidak langsung mendorong al-Marbawi untuk terus mendalami ilmu syariah. Dorongan ini diperteguhkan lagi dengan ketekunan Tuan Hussain Kedah yang bukan sekadar

mengajar kitab, bahkan merupakan seorang ulama yang produktif dalam penghasilan pelbagai karya syariat. Hal ini dibuktikan melalui 19 buah kitab yang berjaya dihasilkan meliputi pelbagai bidang seperti fikah, usuluddin, tasawuf, hadis dan pengetahuan umum dengan berorientasikan pemikiran syariat (Ahmad Yumni Abu Bakar et al., 2016. Shukri Ahmad, 2001).

Karya *Tadhkir Qaba'il al-Qadi* merupakan khusus yang dihasilkan oleh Tuan Hussain Kedah dalam bidang hadis. Ia merupakan karya terjemahan kepada kitab *Jawahir al-Bukhari*. Penumpuan terhadap ilmu ini merupakan satu keistimewaan bagi pusat pengajian pondok beliau pada waktu itu. Bahkan pengkaji berpandangan bahawa pendedahan awal al-Marbawi terhadap pengajian hadis dan karya hadis secara khusus bermula ketika beliau belajar di pondok ini.

Setelah beberapa tahun di Pondok Tuan Hussain Kedah, al-Marbawi meneruskan pengajian di Pondok Syeikh Ahmad Fatani di Padang Lalang Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Pengajian di sini berlangsung selama empat tahun (Tajuddin Saman, 1993). Seterusnya pada tahun 1919, al-Marbawi merantau jauh ke negeri Kelantan untuk menuntut ilmu di Pondok Tok Kenali, Kelantan (Dewan Masyarakat, 1980). Ketika di pondok tersebut, penumpuan lebih difokuskan kepada ilmu-ilmu *nahw* dan tatabahasa Arab. Hal ini demikian, kerana Tok Kenali merupakan seorang tokoh besar yang telah berjaya membawa kemunculan pengajian tatabahasa Arab, *nahw*, *sarf*, *balaghah* dan *'arud* dalam sistem pengajian pondok pada masa itu (Ismail Yusuf, 1995). Kelebihan ini telah dimanfaatkan oleh al-Marbawi sehingga beliau berjaya mengkhatamkan kitab-kitab *nahw* dan *sarf* seperti *Matan al-Ajrumiyyah*, *al-Mutammimah*, *Qatr al-Nada*, *Shudhur al-Dhahab*, *Sharh Ibn 'Aqil* dan *Ishmuni* sepanjang empat tahun beliau berada di pondok tersebut (Faisal Ahmad Shah, 2013). Selain berjaya mengkhatamkan pengajian kitab-kitab tersebut, beliau juga berjaya menghafal *Matan al-Ajrumiyyah*, *Qatr al-Nada* dan kitab-kitab popular yang lain sebagaimana penguasaannya dalam ilmu fikah, hadis, akidah, bahasa Arab dan ilmu-ilmu lain (Risalah Sambutan Perayaan 100 tahun, 1991).

Berdasarkan kenyataan di atas, pengkaji mendapati fokus utama pengajian al-Marbawi di Pondok Tok Kenali adalah penguasaan ilmu bahasa Arab seperti tatabahasa Arab, *nahw*, *sarf*, *balaghah* dan *'arud*. Oleh itu, al-Marbawi telah mencapai tahap yang tinggi dalam pengajian beliau berkaitan ilmu bahasa Arab. Hal ini sangat penting bagi membentuk kepakaran al-Marbawi bagi menguasai ilmu syariah Islam secara lebih mendalam dan mempersiapkan dirinya untuk menjadi ilmuan pada masa akan datang.

Sekalipun terdapat kenyataan yang menunjukkan bahawa ilmu-ilmu lain turut diberi penekanan semasa al-Marbawi di pondok tersebut terutamanya ilmu hadis, namun

pengkaji tidak menemui penjelasan yang lebih terperinci daripada para pengkaji berkaitan pengajian ilmu hadis dan karya hadis di pondok tersebut. Namun, pengkaji beranggapan sekiranya ilmu hadis dipelajari di pondok tersebut, ia merupakan pengajian asas hadis yang tidak diberikan penekanan sebagaimana yang diberikan kepada pengajian bahasa Arab (Mohd Zainodin Mustaffa et al., 2017; Abdullah Ishak, 1995).

Pada tahun 1923, al-Marbawi terpaksa menamatkan pengajiannya di Pondok Tok Kenali setelah beliau menerima berita bahawa bapanya membawa ibu tirinya ke Makkah dan meninggalkan ibunya di kampung. Disebabkan faktor tersebut, beliau mengambil keputusan untuk pulang ke Lubuk Merbau bersama adik dan bapa saudaranya (Dewan Masyarakat, 1980). Kepulangan beliau daripada Pondok Tok Kenali menjadi penamat kepada perjalannnya menuntut ilmu di Tanah Melayu.

### **Pengajian di Mesir**

Pada Mac 1924, al-Marbawi mendaftarkan diri sebagai pelajar di Universiti al-Azhar, Mesir (Dewan Masyarakat, 1980) yang merupakan sebuah institusi yang dianggap sebagai pusat ilmu pengetahuan dan tamadun (Mona Abaza, 1993). Bahkan sehingga kini, Universiti al-Azhar sering dianggap sebagai menara ilmu dan kiblat bagi ilmu (Mona Abaza, 1991).

Ketika berada di sana, beliau mengikuti dua sistem pengajian secara serentak iaitu pengajian formal di Universiti al-Azhar dan pengajian tidak formal di kelas-kelas pengajian *talaqqi* yang diadakan di masjid-masjid sekitar al-Azhar. Pengajian secara formal di Universiti al-Azhar mengaplikasikan kurikulum universiti yang dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu '*Ilm al-Maqasid*' dan '*Ilm al-Wasa'il*'. '*Ilm al-Maqasid*' meliputi akidah, tafsir, hadis dan fikah, manakala '*Ilmu al-Wasa'il*' meliputi *nahw*, *sarf*, *balaghah*, '*Ulum al-Qur'an*', *Mustalah al-Hadith*, *Usul al-Fiqh*, *Qawa'id al-Fiqh*, *mantiq*, *al-ma'qulat*, *Adab al-Bahth wa al-Munazarah*, *'Arud wa Qawafi*, *tasawwuf*, *Matn al-Lughah*, *al-Adab wa al-Tarassul*, *Fiqh al-Lughah*, *faraid*, *al-Sirah al-Nabawiyyah*, '*Ilm al-Hay'ah*, *al-tarikh*, *hisab* dan '*Ilm al-Miqat*'. Kesemua disiplin ilmu ini perlu dikuasai dan diuji melalui peperiksaan untuk memperolehi *Shahadah 'Alamiyyah* (Adhi Maftuhin, 2018). Oleh yang demikian, ketika al-Marbawi mengikuti sistem pengajian formal di Universiti al-Azhar, beliau turut mendalami hadis dan '*Ulum al-Hadith*'.

Manakala pengajian tidak formal di kelas-kelas pengajian *talaqqi* pula bermaksud pengajian antara guru dan murid berasaskan kitab *turath* secara bersanad. Secara lebih spesifik, guru duduk di hadapan dan dikelilingi para murid untuk membahaskan ilmu dengan teliti dan beradab. Kelas ini dipimpin oleh tenaga pengajar yang terdiri daripada para ulama al-Azhar. Daripada sudut sistem pengajiannya pula, kebanyakan

kelas *talaqqi* disusun secara bertahap iaitu tahap permulaan (*mubtadi*), tahap pertengahan (*mutawassit*) dan tahap tinggi (*muntahi*). Oleh yang demikian, pelajar sendiri akan memilih kelas yang mereka minati selain digalakkan untuk memilih pengajian yang sesuai dengan tahap masing-masing (Abdul Muhamimin, 2019).

Pengajian seumpama ini merupakan satu fenomena yang biasa bagi para pelajar daripada Tanah Melayu yang belajar di Mesir pada waktu tersebut (M. Redzuan Othman & Md. Sidin 2000). Pengajian ini semakin mendapat perhatian pada tahun 1924, apabila pelajar Melayu ditempatkan di sebuah rumah yang berhampiran dengan *Ruwaq Jawi* yang berhadapan dengan Universiti al-Azhar (Abu Hanifah Haris, 2019). Keadaan ini memudahkan lagi mereka mengikuti pengajian *talaqqi* bersama ulama al-Azhar dan terdapat tempat khusus untuk mereka melakukan pengajian secara *talaqqi*. Selain itu, terdapat juga para pelajar yang tinggal bersama guru-guru mereka (M. Redzuan Othman & Md. Sidin, 2000).

Walaupun sistem pembelajaran di Universiti al-Azhar begitu sukar, al-Marbawi akhirnya berjaya mendapat *Shahadah 'Aliyyah* daripada Universiti al-Azhar. Bahkan beliau merupakan antara pelajar terawal yang mendapat *shahadah* tersebut (Tajuddin Saman, 1993: Mazlan Ibrahim et. al., 2009). Pada peringkat ini, pengkaji berpandangan bahawa ia merupakan peringkat kematangan ilmu yang dicapai oleh al-Marbawi dalam menguasai ilmu-ilmu syariat terutamanya dalam pengajian hadis dan *'Ulum al-Hadith*. Gabungan antara pengajian di universiti dan pengajian *talaqqi* di masjid-masjid telah mengukuhkan lagi ilmu dan penguasaan al-Marbawi terhadap ilmu syariah.

Setelah tamat pengajian di Universiti al-Azhar, al-Marbawi tidak pulang ke Tanah Melayu, sebaliknya terus menetap di Kaherah, Mesir. Beliau hanya pulang ke Tanah Melayu pada tahun 1967. Oleh yang demikian, beliau dianggap sebagai pelajar Melayu yang mempunyai pengalaman yang luas tentang keadaan di Mesir dan pembelajaran di Universiti al-Azhar (Abu Hanifah Haris, 2019).

## FASA PERKEMBANGAN PENGAJIAN ILMU HADIS SECARA KHUSUS

Berdasarkan perkembangan pengajian ilmu al-Marbawi, pengkaji mendapati al-Marbawi telah mempersiapkan dirinya dengan *'ilmu al-maqasid* dan *'ilmu al-wasa'i* sejak bermula di Makkah dan Tanah Melayu. Penumpuan terhadap ilmu bahasa Arab seperti *nahw* dan *sarf* sangat diberikan perhatian, di samping ilmu-ilmu lain seperti akidah, fikah, tasawuf dan lain-lain. Selain itu, atas ilmu hadis juga telah dipelajari ketika beliau belajar di Tanah Melayu, namun penumpuan lebih kepada ilmu *dirayah al-hadith*, bukannya ilmu *riwayah al-hadith*. Walaupun demikian, al-Marbawi telah memperkuuh dan memantapkan ilmu apabila beliau melanjutkan pengajian ke

Universiti al-Azhar, Mesir. Di sanalah beliau mempelajari ilmu-ilmu syariah, termasuklah ilmu-ilmu hadis dengan lebih mendalam dan terperinci.

Oleh yang demikian, pengkaji merumuskan bahawa terdapat dua fasa perkembangan pengajian ilmu hadis. Dua fasa tersebut ialah fasa asas dan fasa kematangan pengajian. Kedua-dua fasa tersebut pengkaji perincikan sebagaimana berikut:

### **Fasa Asas Pengajian**

Perkembangan pengajian hadis di Malaysia, termasuklah di pondok-pondok sedikit ketinggalan berbanding dengan perkembangan ilmu-ilmu syariat yang lain (Fauzi Deraman et al., 2010). Hal ini demikian disebabkan sistem pengajian di pondok-pondok di Tanah Melayu dan Patani lebih mementingkan sistem hafalan termasuklah dalam pengajian hadis (Mohd Zainodin Mustaffa et al., 2017; Arba'iyah Mohd Noor, 2008). Manakala pengajiannya pula tertumpu kepada pemahaman hadis sahaja bagi menjadi hujah atau keterangan sesuatu hukum (Qutrennada Rosli & Ahmad Yunus Mohd Noor, 2015). Oleh itu, pengajian hadis tidak menumpukan perbincangan ilmu-ilmu hadis yang lain seperti ilmu *riwayah* dan *dirayah*.

Sekalipun demikian, al-Marbawi berkesempatan untuk mempelajari hadis dengan Tuan Hussain Kedah (Ahmad Yumni Abu Bakar et al., 2016). Antara keistimewaan Tuan Hussain Kedah ialah seorang ulama yang turut memberi tumpuan kepada ilmu hadis dalam pengajiannya. Beliau merupakan antara ulama tempatan terawal yang menterjemahkan karya hadis primer ke dalam bahasa Melayu (Muhammad Mustaqim, 2018). Karya yang dimaksudkan ialah karya yang berjudul *Tadhkir Qaba'il al-Qadi fi Tarjamah Jawahir al-Bukhari*. Karya ini merupakan karya terjemahan daripada kitab *Jawahir al-Bukhari* oleh Mustafa Muhammad 'Imarah. Di samping mengandungi 700 buah hadis pilihan daripada *Sahih al-Bukhari*, karya ini juga disertakan ulasan ringkas bagi setiap hadis yang disaring daripada *Sharh al-Qastalani*. Oleh yang demikian, karya terjemahannya ini menjadi bukti kesungguhan beliau dalam mengembangkan pengajian hadis di Tanah Melayu.

Selain itu, ketokohan Tuan Hussain Kedah dalam bidang hadis terserlah dalam beberapa aspek, antaranya ialah; Pertama, penegasan terhadap kedudukan dan peranan hadis dalam kerangka syariat Islam sebagai sumber kedua yang paling berautoriti selepas al-Quran. Kedua, pemahaman nas hadis bukan secara *harfiah* semata-mata, sebaliknya dikaitkan dengan konteks tiga cabang utama agama iaitu akidah, fikah dan tasawuf. Ketiga, mengutamakan penggunaan hadis sahih dan berautoriti daripada sumber-sumber yang muktabar (Muhammad Mustaqim, 2018).

Berdasarkan ketiga-tiga aspek tersebut, kesemuanya dapat diaplikasikan oleh al-Marbawi dalam karya-karya beliau. Aspek pertama iaitu penegasan berkaitan

kedudukan dan peranan hadis jelas sekali ditegaskan oleh al-Marbawi (t.t) sebagaimana berikut:

“Hadis atau Sunnah itu: ialah persabdaan Nabi dan kelakuannya dan akuannya. Maka persabdaan Nabi itu menjadi hujah dan dalil dengan tiada syak. Ada pun kelakuannya maka padanya *tafsil*. Iaitu: jika ada ia *qurbah* dan menunjuk satu dalil atas tertentu dengan dia maka iaitu zahir. Dan jika menunjuk satu dalil atasnya ditanggungkan dia atas wajib atau sunat pada dirinya *sallallahu 'alayhi wa sallam*. Atau *tawaqquf* daripadanya hingga berdiri atasnya dalil. Dan jika bukannya *qurbah* dan tiada menunjuk ia atas tertentu dengan dia maka iaitu ditanggung atas harusnya. *Taqrir* ertinya akuan Nabi atas perkataan atau perbuatan yang telah berlaku di hadapannya itu menjadi satu hujah dan dalil begitu juga apa-apa yang diperbuat pada masa hayatnya dan diketahui Nabi akan dia suruh diam ia. Maka iaitu menjadi satu hujah juga.”

Aspek kedua iaitu pemahaman hadis bukan sekadar literal sahaja bahkan perlu melibatkan jalinan ilmu akidah, fikah dan tasawuf agar sesuatu hadis dapat difahami dengan lebih tepat. Hal ini dapat diperhatikan apabila al-Marbawi melebarkan pemahaman hadis berdasarkan *fiqh al-hadith* yang merangkumi ketiga-tiga ilmu tersebut (Faisal Ahmad Shah, 2013).

Manakala aspek ketiga iaitu mengutamakan penggunaan hadis saihh dan berautoriti daripada sumber-sumber yang muktabar. Dalam aspek ini, al-Marbawi telah menterjemah dan menghuraikan karya-karya hadis yang muktabar seperti *Idangan Guru Sahih al-Bukhari wa Muslim* daripada karya *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*, *Bahr al-Madhi li Sharh al-Mukhtasar Sahih al-Tirmidhi* daripada karya *Jami' al-Tirmidhi* dan *Bulugh al-Maram*. Serta Terjemahan Melayu daripada karya *Bulugh al-Maram*. Selain itu, apabila al-Marbawi memilih hadis-hadis untuk diringkaskan dan dimasukkan ke dalam karya *Bahr al-Madhi*, beliau hanya mengambil hadis *sahih* yang dinyatakan oleh al-Tirmidhi dan tidak memilih hadis *da 'if* melainkan apabila ketidaaan hadis *sahih* di dalam sesuatu bab (Faisal Ahmad Shah, 2013). Hal ini menunjukkan keutamaan beliau dalam penggunaan hadis saihh dan berautoriti.

Oleh yang demikian, pengajian al-Marbawi pada fasa ini banyak mempengaruhinya untuk mendalami pengajian hadis dengan lebih mendalam. Sekalipun pengajian hadisnya pada fasa ini tidak menyeluruh, namun ia menjadi asas penting dalam meletakkan diri al-Marbawi pada kedudukan yang kukuh untuk berinteraksi dengan

hadis. Berdasarkan faktor inilah, maka pengkaji mengkategorikan pengajian al-Marbawi di Pondok Tuan Hussain Kedah ini sebagai fasa asas pengajian hadis.

### Fasa Kematangan Pengajian

Pemergian al-Marbawi ke Universiti al-Azhar, Mesir pada bulan Mac 1924 bagi mengukuhkan penguasaan ilmu-ilmu Islam merupakan satu kelaziman bagi kebanyakan pelajar Melayu (Abu Hanifah Haris, 2019). Hal ini dikuatkan lagi dengan dua sistem pengajian yang boleh disertai oleh para pelajar ketika berada di sana.

Sistem pengajian formal di Universiti al-Azhar dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu *ula* (rendah), *thanawi* (menengah) dan *'ali* (tinggi). Pembelajaran pada setiap peringkat memakan masa empat tahun. Setelah mendapat *Shahadah 'Aliyah* (ijazah yang melayakkan pemegangnya termasuk dalam kalangan ulama al-Azhar), pelajar tersebut boleh menyambung pengajian di peringkat *takhxis* (pengkhususan atau sarjana). Sistem ini telah diperkenalkan sejak tahun 1871 lagi (Abu Hanifah Haris, 2019). Oleh yang demikian, al-Marbawi mengikuti sistem pembelajaran ini ketika berada di Universiti al-Azhar pada waktu tersebut. Sistem ini merupakan sistem lama (*nizam al-qadim*) yang mana peperiksannya dijalankan secara lisan, bukannya secara bertulis (M. Redzuan Othman & Md. Sidin, 2000).

Semasa di Universiti al-Azhar, al-Marbawi telah mempelajari pelbagai ilmu-ilmu Islam yang merangkumi ilmu akidah, tafsir, hadis, fikah, bahasa Arab, *'Ulum al-Qur'an*, *'Ulum al-Hadith*, *Usul al-Fiqh*, *Qawa'id al-Fiqh* dan lain-lain lagi (Adhi Maftuhin, 2018). Sukatan mata pelajaran bagi mata pelajaran hadis pula memfokuskan kepada karya-karya ulama seperti *Arba'in al-Nawawiyah*, *'Umdah al-Ahkam*, *Mukhtasar al-Bukhari* oleh al-Zabidi dan syarahnya, *al-Muwatta'*, *Bulugh al-Maram*, *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan al-Tirmidhi*, *al-Jami' al-Saghir* dan syarahnya, *Sunan al-Bayhaqi*, *Mujam al-Tabarani*, *Sahih Ibn Hibban*, *Mustadrak al-Hakim* dan lain-lain (Adhi Maftuhin, 2018). Berdasarkan sukatan mata pelajaran hadis ini, pengkaji berpandangan bahawa pengajian pada peringkat ini telah menjadikannya berupaya mendalamai karya-karya utama dalam hadis. Hal ini mampu meluaskan lagi pengetahuan dan kefahaman al-Marbawi berkaitan hadis dan karya-karya utama dalam hadis. Manakala bagi mata pelajaran *mustalah al-hadith*, pengajian tersebut memfokuskan kepada karya-karya utama seperti *al-Bayquniyyah* dan syarahnya, *Nukhbah al-Fikar* dan syarahnya, *Muqaddimah Ibn al-Salah*, *al-Taqrib* dan syarahnya, *Alfiyah al-'Iraqi* dan syarahnya dan *Alfiyah al-Suyuti* dan syarahnya (Adhi Maftuhin, 2018). Berdasarkan sukatan matapelajaran *mustalah al-hadith* ini, pengkaji berpandangan bahawa pengajian di peringkat ini telah merangkumi karya-karya utama dalam ilmu *mustalah al-hadith*, namun pendedahan terhadap karya-karya yang membincangkan secara terperinci dalam ilmu ini kurang diberi perhatian secara mendalam.

Sukatan mata pelajaran *usul al-fiqh* pula, al-Marbawi bukan sekadar memperlajari *usul al-fiqh* berdasarkan mazhab Shafi'i, bahkan beliau turut mempelajari *usul al-fiqh* bagi mazhab Hanafi dan Maliki. Antara kitab *usul al-fiqh* dalam mazhab Hanafi yang dipelajari ialah *al-Manar* dan syarahnya, *al-Tanqih* dan syarahnya, *al-Tawdih wa al-Talwih* dan *al-Tahrir*. Sementara itu, antara kitab *usul al-fiqh* dalam mazhab Maliki pula ialah *Tanqih al-Usul* dan syarahnya dan *Mukhtasar Ibn Hajib*. Kitab *usul al-fiqh* dalam mazhab Shafi'i yang dipelajari olehnya ialah *al-Waraqat* dan syarahnya, *Lub al-Usul* dan syarahnya, *Nihayah al-Sul*, *Jam' al-Jawami'*, *Mukhtasar Ibn Hajib* dan syarahnya, *Muntaha al-Sul* dan lain-lain (Adhi Maftuhin, 2018). Berdasarkan sukatan matapelajaran *usul al-fiqh* ini, pengkaji berpandangan bahawa pengajian pada peringkat ini mencakupi ilmu *usul al-fiqh* yang begitu luas dan melibatkan karya-karya utama termasuklah pada peringkat tinggi.

Berdasarkan pendedahan terhadap pengajian hadis, *mustalah al-hadith* dan *usul al-fiqh* di Universiti al-Azhar ini, pengkaji berpandangan bahawa ilmu-ilmu ini sangat diperlukan bagi mengasah kemahiran seseorang untuk berinteraksi dalam ilmu *Mukhtalif al-Hadith*. Justeru, pengajian pada peringkat ini telah mempersiapkan dan melayakkan al-Marbawi untuk berkecimpung dalam ilmu *Mukhtalif al-Hadith*.

Selain pendidikan formal di Universiti al-Azhar, al-Marbawi turut mengikuti pengajian secara tidak formal di masjid-masjid di sekitar Kaherah. Antara kelas yang diikuti oleh al-Marbawi ialah kelas *talaqqi* hadis yang dipimpin oleh al-Samaluti atau nama penuh beliau iaitu Muhammad bin Ibrahim bin 'Ali al-Humaydi al-Samaluti al-Misri al-Maliki al-Azhari. Beliau merupakan salah seorang Ahli Lembaga Tertinggi Ulama al-Azhar dan merupakan ulama hadis yang masyhur di Kaherah, Mesir sekitar tahun 1920-an (Monika et al., 2011). Bahkan al-Marbawi (1933) sendiri memuji gurunya dalam karya beliau sebagaimana berikut:

“Kepada aku tiap-tiap kali mengaji dan mengadap guruku *hadrah sahib al-fadilah mawlana murabbi arwahana al-ustadh al-akbar: al-Shaykh Muhammad Ibrahim al-Samaluti min hay'ah kibar ulama' al-Azhar al-Sharif* guru hadis yang masyhur mengajar berpuluhan-puluhan tahun di Jami' Sayyidina Husayn (cucu Rasulullah) di kota Qahirah (Mesir) dekat Azhar al-Sharif, sudahlah aku berasa minum madu, dengan kerana itulah bersungguh aku tiap-tiap pagi pergi menerima padanya ....Kepadanya dengan beberapa banyak ulama yang mendapat *shahadah* tinggi dan rendah. Dan beberapa ratus murid Azhar.”

Kenyataan di atas menunjukkan pujian terhadap ketinggian al-Samaluti dalam bidang hadis dan beliau merupakan seorang *muhaddith* yang masyhur. Beliau telah mengajar di *Jami' Sayyidina Husayn* selama berpuluhan-puluhan tahun lamanya. Dengan ketinggian ilmu tersebut, begitu ramai sekali dalam kalangan ulama dan para penuntut ilmu yang menghadiri majlis beliau dan mendapatkan sanad daripada beliau. Menurut Ahmad 'Umar Hashim (t.t.), al-Samaluti memiliki pelbagai sanad dalam ilmu hadis dan beliau telah menyenaraikan rangkaian sanad al-Samaluti sehingga bertemu dengan al-Bukhari.

Sepanjang tempoh pengajian al-Marbawi bersama al-Samaluti, pengkaji mendapati al-Marbawi berkesempatan untuk mempelajari dua buah kitab utama dalam bidang hadis. Dua buah kitab tersebut ialah *Sahih Muslim* dan *Jami' al-Tirmidhi*. Antara dua kitab ini, al-Marbawi terlebih dahulu mempelajari kitab *Sahih Muslim* daripada al-Samaluti dan kemudiannya barulah beliau mempelajari kitab *Jami' al-Tirmidhi*. Hal ini dinyatakan secara jelas oleh al-Marbawi (1933) tatkala menceritakan pengajian kitab *Jami' al-Tirmidhi* sebagaimana kenyataan berikut:

“Kepada aku tiap-tiap kali mengaji dan mengadap guruku *hadrah sahib al-fadilah mawlana murabbi arwahana al-ustadh al-akbar*: al-Shaykh Muhammad Ibrahim al-Samaluti... Iaitu kemudian daripada khatam mengaji *Sahih Muslim*.”

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa al-Marbawi bukan sekadar mempelajari kitab *Jami' al-Tirmidhi* sahaja, malah sebelum beliau mempelajari kitab tersebut, beliau terlebih dahulu mempelajari kitab *Sahih Muslim* daripada al-Samaluti. Kesungguhan dan ketekunan al-Marbawi mengikuti pengajian bersama al-Samaluti ini khususnya pengajian kitab *Jami' al-Tirmidhi* terbukti apabila setiap kali beliau pulang daripada kelas pengajian, beliau akan membuat catatan tentang hasil pengajian beliau bersama al-Samaluti. Hal ini dinyatakan secara jelas oleh al-Marbawi (1933) sendiri sebagaimana berikut:

“Kemudian manakala aku pulang ke rumah tiadalah lagi berpaling melainkan aku jalankan batang *qalam* aku di pipi *sahifah-sahifah* sebagaimana yang aku ingat dan aku faham daripadanya.”

Lebih daripada itu, al-Marbawi bukan sekadar menulis ilmu dan maklumat yang diperolehi daripada kelas pengajian sahaja, bahkan beliau turut membuat catatan tambahan dengan merujuk kepada kitab-kitab yang lain (Abdul Salam, 2003). Daripada sini, beliau akan menyusun huraian-huraian tersebut berdasarkan pandangan para ulama *salaf al-salih* yang lain seperti al-Shafi'i, al-Nawawi, al-Qastalani, Ibn al-'Arabi dan lain-lain (Al-Marbawi, 1933). Bersumberkan inspirasi daripada guru

beliau jugalah yang telah mendorong al-Marbawi untuk menelaah kitab tersebut sebanyak tujuh kali. Bahkan beliau menghabiskan masa selama sepuluh tahun untuk menterjemah dan menghuraikan *Jami‘ al-Tirmidhi* ke dalam bahasa Melayu sehingga lahirnya kitab yang berjudul *Bahr al-Madhi* (Abdul Salam, 2003).

Berdasarkan dua buah karya utama dalam ilmu hadis, pengkaji mendapati al-Marbawi turut mendalami secara tidak langsung salah satu cabang ilmu hadis yang tidak kurang pentingnya iaitu ilmu *Mukhtalif al-Hadith* ketika bersama al-Samaluti. Ini kerana perbincangan ilmu *Mukhtalif al-Hadith* merupakan sebahagian daripada perbahasan yang dibincangkan dalam kedua-dua karya tersebut. Hal ini terbukti apabila terdapat kajian khusus *Mukhtalif al-Hadith* terhadap *Jami‘ al-Tirmidhi* dan *Sahih Muslim* (Al-Amudi, 2018; Mansur bin ‘Abd al-Rahman, 2006).

Secara lebih spesifik, menurut Mansur bin ‘Abd al-Rahman (2006) terdapat sebanyak 111 permasalahan daripada 23 bab yang berkaitan dengan *Mukhtalif al-Hadith* dalam *Sahih Muslim*. Oleh yang demikian, pengajian kitab *Sahih Muslim* oleh al-Marbawi bersama al-Samaluti secara tidak langsung menyentuh 111 permasalahan berkaitan *Mukhtalif al-Hadith*. Demikian juga dengan *Jami‘ al-Tirmidhi*, al-‘Amudi (2018) menghimpunkan sebanyak 82 permasalahan yang berkaitan dengan *Mukhtalif al-Hadith* dalam *Jami‘ al-Tirmidhi*.

Tambahan itu, al-Hadi Rushu (2009) menjelaskan bahawa kitab *Jami‘ al-Tirmidhi* mengandungi keistimewaan daripada aspek *Mukhtalif al-Hadith* yang dapat diperhatikan daripada enam aspek sebagaimana berikut:

- i. Penyusunan kitab berdasarkan bab-bab yang akan membantu bagi memudahkan rujukan terhadap hadis-hadisnya.
- ii. Penjelasan berkaitan pelbagai mazhab Sahabat, tabiin dan para *fugaha’* yang ternama. Lalu beliau menghimpunkan perbincangan hadis dan fikah.
- iii. Penjelasan berkaitan penilaian kedudukan bagi keseluruhan hadis sama ada *sahih*, *hasan* atau *da‘if* beserta dengan penjelasan sudut ke-*da‘if*annya.
- iv. Perbincangan berkaitan ilmu-ilmu perawi hadis seperti nama-nama dan keadaan para perawi daripada sudut *al-jarh wa al-ta‘dil*.
- v. Pemisahan antara hukum-hukum bagi membantu proses *al-tarjih* ketika berlakunya percanggahan antara dalil.
- vi. Pendedahan ilmu-ilmu penting matan hadis yang diperlukan dalam perbincangan *Mukhtalif al-Hadith* seumpama *gharib* dan jenis-jenisnya, *Ziyadah al-Thiqah*.

Berdasarkan enam keistimewaan tersebut, karya ini begitu penting bagi seseorang yang mahu mendalami dan menghalusi pengajian *Mukhtalif al-Hadith*. Tambahan itu, berdasarkan kedua-dua kitab yang dipelajari oleh al-Marbawi, pengkaji berpandangan bahawa kemungkinan besar al-Marbawi telah mempelajari *Mukhtalif al-Hadith* daripada karya utama hadis dengan tekun sekali dengan menghimpunkan penguasaan terhadap karya hadis sahih dan karya hadis yang mempunyai pelbagai kedudukan daripada sudut penilaianya. Berdasarkan kemungkinan ini, penguasaan ilmu *Mukhtalif al-Hadith* sedikit sebanyak memperkuuhkan lagi ketokohan ilmu hadis al-Marbawi.

Selain al-Samaluti, al-Marbawi turut berguru dengan Muhammad ‘Ali al-Maliki. Nama beliau dicatatkan oleh al-Marbawi dalam mukadimah kitab *Bulugh al-Maram* Serta Terjemahan Melayu (2013). Al-Marbawi menggelarkan beliau sebagai *al-‘allamah al-makki al-shaykh*. Muhammad ‘Ali al-Maliki merupakan seorang ilmuan yang mahir dalam ilmu hadis dan fikah. Berhubung hal ini, al-Marbawi (2013) menukilkan pandangan beliau berkaitan interaksi antara ilmu fikah dan hadis sebagaimana berikut:

“Dan sungguhnya telah jatuh setengah daripada orang-orang awam di dalam kebinasaan yang besar. Iaitu jadi ia tiada pedulikan perkataan-perkataan orang-orang yang *mujtahid* dan segala ikutan mereka daripada ulama, dan mentafsirkan ia akan segala ayat Quran dan hadis-hadis dengan fikiran sendiri sebelum ia mengetahui perkataan imam yang masyhur dengan ilmu dan makrifat dan *itqan*, serta bahwasanya tiada harus mentafsirkan suatu daripada segala ayat dan hadis-hadis itu dengan fikiran sendirian, dan tiada harus ditanggungkan dia atas segala makna yang tiada dinaskan atasnya oleh imam-imam yang terbilang, sebagaimana menghabarkan dia oleh guruku *al-‘allamah al-makki al-shaykh* Muhammad ‘Ali al-Maliki.”

Kenyataan di atas menunjukkan interaksi antara hadis dan fikah dalam memahami nas-nas syarak terutamanya hadis. Bahkan penekanan yang diberikan terhadap pandangan-pandangan ilmuan Islam yang *mujtahid* sebagaimana yang dilakukan oleh *al-Tirmidhi* dalam kitabnya. Bimbingan daripada Muhammad ‘Ali al-Maliki ini penting agar al-Marbawi mempunyai manhaj berinteraksi dengan hadis secara tepat dan sejahtera.

Selain itu, al-Marbawi turut berguru dengan Yusuf al-Hawi yang merupakan seorang yang mahir dalam pelbagai bidang ilmu Islam. Namun beliau lebih dikenali sebagai ulama hadis dan fikah (Haziyah Hussin et al., 2016). Walaupun demikian, pengkaji

tidak menjumpai maklumat yang lebih terperinci berkaitan dengan diri dan pengaruh beliau terhadap al-Marbawi daripada aspek pengajian hadis.

Justeru, perjalanan pengajian hadis al-Marbawi daripada kecil sehingga besar mencapai fasa kematangan telah memperlihatkan yang beliau telah mendalami pelbagai ilmu syariah terutamanya ilmu dalam bidang bahasa Arab, fikah dan *Usul al-Fiqh* di samping hadis serta '*Ulum al-Hadith*. Penguasaan ilmu-ilmu ini secara tidak langsung telah mempersiapkan al-Marbawi untuk mendalami dan membincangkan ilmu hadis secara lebih mendalam.

## KESIMPULAN

Latar belakang pengajian al-Marbawi yang melibatkan dua fasa tersebut memperlihatkan corak perkembangan pengajian ilmu hadis yang teratur dan berkesinambungan. Beliau telah melalui perkembangan pengajian secara formal dan tidak formal. Hasil daripada perkembangan pengajian tersebut, beliau telah dapat menghasilkan banyak karya hadis seperti *Bahr al-Madhi li Sharh al-Mukhtasar Sahih al-Tirmidhi*, Idangan Guru *Sahih al-Bukhari wa Muslim*, *Bulugh al-Maram* Serta Terjemahan Melayu dan Kitab Perbendaharaan Ilmu.

Selain itu, pengajian al-Marbawi di Tanah Melayu bersama Tuan Hussain Kedah yang merupakan pengarang kitab hadis yang berjudul *Tadhkir Qaba'il al-Qadi fi Tarjamah Jawahir al-Bukhari* dilihat sebagai pencetus minat al-Marbawi untuk mendalami ilmu hadis. Minat ini semakin berkembang apabila al-Marbawi bertalaqqi secara khusus dengan Muhammad bin Ibrahim al-Samaluti melalui kitab *Sahih Muslim* dan *Jami' al-Tirmidhi*. Daripada pengajian ini jugalah terhasilnya karya *Bahr al-Madhi li Sharh al-Mukhtasar Sahih al-Tirmidhi*. Justeru, perkembangan pengajian al-Marbawi membuktikan bahawa beliau mempunyai ketokohan dan kelayakan yang tidak dapat disangkal lagi dalam disiplin ilmu hadis meskipun diberikan kritikan terhadap beberapa kaedah yang digunakan dalam penulisan karya-karyanya. Ringkasnya, beberapa komentar tersebut tidak menjaskankan kredibilitinya sebagai tokoh yang telah memberi sumbangan yang besar dalam bidang keilmuan Islam.

## RUJUKAN

- Abdul Muhaimin, M. (2019). *Sedekad JAKIM di Mesir: Memacu hubungan strategik antara Mesir dan Malaysia dalam bidang hal ehwal Islam*. Putrajaya: JAKIM.
- Abdul Salam, M. S. (2003). Al-Sheikh dr. Muhammad Idris al-Marbawi's contribution to Islamic studies in the Malay world. In Mohamad@Md. Som Sujimon (Eds.). *Monograph on selected Malay intellectuals*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Abdullah al-Qari. (2009). *Tuk Kenali penggerak ummah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Hanifah Haris. (2019). *Pengaruh Mesir terhadap masyarakat Melayu 1906-1970: Daripada al-imam sehingga kebangkitan semula Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Adhi Maftuhin. (2018). *Sanad ulama nusantara*. Bogor: Sahifa Publishing.
- Ahamad Asmadi Sakat & Latifah Abdul Majid. (2010). Kewibawaan Muhammad Idris al-Marbawi dalam memahami beberapa manhaj imam al-Tirmidhi dalam Bahr al-Madhi. *Prosiding Seminar Serantau Ilmuan Hadis dalam Peradaban di Alam Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia, 25 Oktober.
- Ahmad 'Umar Hashim. (t.t). *Al-muhaddithun fi Misr wa al-Azhar wa dawruhum fi ihyā' al-sunnah al-nabawiyyah al-sharifah*. Kaherah: Maktabah Gharib.
- Ahmad Yumni, A. B. et al. (2016). *Tuan Hussain Kedah: Penggiat sistem pondok di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-'Amudi, A. W. M. (2018). *Mukhtalif al-hadith 'inda al-imam al-Tirmidhi fi kitabihi al-Jami': Jam' wa dirasah muqaranah*. Tesis Ijazah Sarjana. al-Jami'ah al-Islamiyyah bi Ghazzah.
- Al-Hadi, R. T. (2009). *Mukhtalif al-hadith wa juhud al-muhaddithin fih: dirasah naqdiyyah*, Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Marbawi. (1933). *Bahr al-Madhi sharh mukhtasar Sahih al-Tirmidhi*, Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.
- Al-Marbawi. (1990). *Qamus Idris al-Marbawi: Arabi-Malayuwi*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Al-Marbawi. (2013). *Bulugh al-Maram serta terjemahan Melayu*. Kaherah: Dar Ibn Kathir.
- Al-Marbawi. (t.t.) *Kitab perbendaharaan ilmu kurun 14*. Kaherah: al-Matba'ah al-Marbawiyyah.
- Anwar Ridwan. (2007). *Kitab idangan guru Sahih al-Bukhari wa Muslim: Satu kajian dari aspek metodologi huraian hadis*. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Malaya.

- Arba'iyah Mohd Noor. (2008). *Perkembangan pendidikan Islam di Kelantan dalam jurnal Malaysia dari segi sejarah (Malaysia in history)*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Dewan Masyarakat. (1980). 15 Julai 1980.
- Faisal Ahmad Shah. (2007). *Metodologi penulisan Mohamed Idris al-Marbawi dalam Bahr al-Madhi*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Faisal Ahmad Shah. (2013). *Biografi ulama Malaysia Mohamed Idris al-Marbawi penulis karya agung Bahr al-Madhi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fauzi Deraman et al. (2010). *Pengajian hadis di Malaysia: Tokoh - karya - institusi*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan al-Hadis APIUM Universiti Malaya.
- Haziyah Hussin et al. (2016). Pemikiran tafsir Sheikh Mohamed Idris al-Marbawi dalam manuskrip Quran bergantung makna Melayu. *Jurnal al-Turath*, 1 (1), 24-34.
- Ismail, C. D. (2001). *Tokoh-tokoh ulama Semenanjung Tanah Melayu*. Kelantan: Majlis Agama Islam Kelantan.
- Ismail, M. L. (1991). *Sheikh Idris al-Marbawi dan sumbangannya*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Yusoff. (1995). Perkembangan penulisan dan terjemahan kitab-kitab tafsir di Malaysia. *ISLAMIYYAT*. 16, 19-32.
- M. Redzuan Othman & Md. Sidin, A. I. (2000). *The Malays in the Middle East: with a bibliography of Malay printed works published in the Middle East*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Mansur A. R. A. (2006). *Mukhtalif al-hadis 'inda al-imam al-Nawawi min khilal sharhihi 'ala Sahih Muslim: Jam' wa dirasah muqaranah*. Tesis Ijazah Sarjana, Jami'ah Umm al-Qura.
- Mazlan Ibrahim et al. (2009). *Pengenalan tokoh dan kitab-kitab tafsir Melayu ulama nusantara*. Selangor: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mesbahul Hoque et al. (2017). Mahattat fi hayat al-muhaddith al-Malizi. *Proceeding of the 2nd INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadis 2016*. Institut Kajian Hadis-INHAD, 15 November.
- Mohd Zainodin Mustaffa et al. (2017). Sejarah pengajian pondok dan tokoh ulama: kajian di daerah Besut, Terengganu Darul Iman. *Proceeding of 2nd International Islamic Heritage Conference (Ishec 2017)*, Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi Mara, 14-15 November.
- Mona Abaza. (1991). Some research notes on living conditions and perceptions among Indonesian students in Cairo. *Journal of Southeast Asian Studies*. 22 (2), 347-360.
- Mona Abaza. (1993). *Changing images of three generations of Azharites in Indonesia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

- Monika @ Munirah Abdul Razak et al. (2011). Sumbangan Syeikh Idris al-Marbawi dalam memartabatkan al-Quran dan al-Sunnah: tumpuan kitab tafsir surah Yasin. *Seminar Serantau Pengajian Usuluddin di Institusi Pengajian Tinggi Abad 21: Cabaran Dan Prospek*. Universiti Islam Sultan Sharif Ali, 4-5 April
- Muhammad Mustaqim Muhammad Zarif. (2018). Ketokohan Tuan Hussain Kedah dalam bidang hadis. *Kertas Kerja Majlis Bicara Karya Biografi Ulama Malaysia: Tuan Hussain Kedah*. Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, 18 September.
- Muhd Norazam Nordin et al. (2008). Sumbangan Syeikh Mohamed Idris al-Marbawi dalam dakwah Islamiyyah di Malaysia. *Jurnal Maw'izah*. 1(1), 15-26.
- Mustafa Abdullah. (2009). Khazanah Tafsir Di Malaysia. Bentong: Book Pro Publishing Service.
- Qutrennada Rosli & Ahmad Yunus Mohd Noor. (2015). Pengajaran dan pembelajaran hadis di Maahad Darul Hadis Alor Setar, Kedah: tinjauan awal. *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia, 8-9 Disember.
- Sambutan perayaan 100 tahun pengasasan Sekolah Kebangsaan Lubuk Merbau (Risalah)*. (1991). Kuala Kangsar.
- Shukri Ahmad. (2001). Pendekatan karya ulama tradisional di Kedah: tumpuan kepada karya-karya jawi Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin, Hanafiah Taib Al-Qadhi (1908-1998M). *Jurnal Usuluddin*. 13, 95-114.
- Suhanim Abdullah. (2002). *Sistem pendidikan tradisional dalam peradaban Melayu: Satu analisis*. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Malaya.
- Tajuddin Saman. (1993). *Tokoh ulama nusantara*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Utusan Melayu. 18 Mei 1975.
- Wan Mokhtar Ahmad. (2008). *Muzakkirah: Sebuah autobiografi suku abad menerajui kerajaan Terengganu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.